

**PERBANDINGAN METODOLOGI PENGEELASAN GEODEMOGRAFI DENGAN  
MENGGUNAKAN ALGORITMA K-MEANS DAN ALGORITMA *SELF-  
ORGANIZING MAP*: SATU KAJIAN KES DI NEGERI PERAK**

**SITI NAIELAH BINTI IBRAHIM @ YUSOF**

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
SARJANA SASTERA (MOD PENYELIDIKAN)**

## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan membandingkan dua algoritma utama yang digunakan dalam proses pembentukan pengelasan geodemografi iaitu algoritma k-means dan algoritma *Self-Organizing Map* (SOM). Salah satu daripada algoritma yang dipilih akan digunakan dalam proses pembentukan profil penduduk. Sebanyak 1184 zon binci dan 203 pembolehubah daripada data binci penduduk dan perumahan telah digunakan. Analisis algoritma k-means melibatkan beberapa proses iaitu proses pengurangan pembolehubah, penentuan bilangan kluster optimum, pengubahan dan penyeragaman data. Manakala bagi algoritma SOM sebanyak 2,000 unit jaringan telah dibentuk dan topologi heksagon telah dipilih berserta dengan fungsi kejiraninan *gaussian*. Berdasarkan kepada kedua-dua algoritma, k-means telah menghasilkan lima kluster manakala algoritma SOM telah menghasilkan lapan kluster. Hasil bagi kedua-dua algoritma ini dibandingkan dengan menggunakan pengukuran pekali kekuatan. Nilai ralat struktur dan ralat kuadratik bagi algoritma k-means adalah lebih tinggi berbanding algoritma SOM. Manakala nilai ralat pengelasan bagi algoritma k-means adalah lebih rendah berbanding algoritma SOM. Dapatan ini menunjukkan bahawa algoritma k-means memberikan hasil yang lebih baik berbanding algoritma SOM dalam proses pembentukan kluster dan penghasilan pengelasan geodemografi. Pada hierarki pertama, kluster-kluster ini dilabelkan sebagai kluster luar bandar, kluster kelas pertengahan bawahan, kluster perkampungan tradisi, kluster golongan bandar dan bekerjaya dan kluster pinggir bandar. Kesimpulannya, perbandingan pengelasan geodemografi dengan menggunakan algoritma k-mean dan algoritma SOM telah meningkatkan pencapaian dalam bidang geodemografi dan setanding dengan negara maju yang lain. Hasil daripada kajian ini dapat membantu pihak kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan pembuat dasar dalam merumuskan keputusan yang lebih tepat terutamanya dari segi penyediaan kemudahan kesihatan, perkhidmatan awam dan keperluan asas yang lain.



## COMPARISON OF GEODEMOGRAPHY CLASSIFICATION METHODOLOGY USING K-MEANS AND SELF-ORGANIZING MAP (SOM) ALGORITHM: A CASE STUDY IN PERAK

### ABSTRACT

This study aims to compare two main algorithms used in the process of creating geodemography classification namely; k-means algorithm and Self-Organizing Map (SOM) algorithm. One of the algorithms will be used for the process of creating the population profiles. A total of 1184 census zones and 203 variables from the population and housing census data were used. The k-means algorithm analysis requires several processes; the variable reduction process, determination of optimum cluster number, data transformation and data standardization. For SOM algorithm, 2,000 network units are formed and topologies hexagonal are selected along with the neighborhood Gaussian function. Based on both algorithms, the k-means and SOM algorithms have generated five clusters eight clusters respectively. The results of both algorithms were then compared by using the strength coefficient measurement. The structure error and quadratic error values of k-means algorithm are higher than the SOM algorithm, whereas the error classification values for k-means algorithm are lower than the SOM algorithm. These findings showed that the k-means algorithm has revealed better results than the SOM algorithm for the cluster creating processes and geodemography classification. In the first hierarchy, these clusters are labeled as rural, lower middle-class, traditional village, city and career and suburban. In conclusion, the method of comparing geodemographic classification by using k-means and SOM algorithms had enhanced the achievement in geodemographic field and the results are comparable with other works in the developed countries. The results from this study would help governments, local authorities and policy makers to formulate more accurate decisions, especially in terms of provision of health facilities, public services and other basic necessities.

## KANDUNGAN

	Muka Surat
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI RAJAH</b>	x
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv

<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Permasalahan Kajian	10
1.4	Persoalan Kajian	12
1.5	Matlamat dan Objektif Kajian	13
1.6	Skop Kajian	13
1.7	Kepentingan Kajian	14
1.8	Organisasi Penulisan Bab	17
1.9	Kerangka Konseptual	19
1.10	Kesimpulan	20

2.1. Pengenalan	21
2.2. Definisi	
2.2.1 Pengelasan	22
2.2.2 Pengklusteran	23
2.2.3 Sistem Pengkelasan Geodemografi	25
2.2.4 Aplikasi Pengelasan Geodemografi	28
2.3. Algoritma Kluster	
2.3.1 K-Means	33
2.3.2 <i>Artificial Neural Network (ANN)</i>	34
2.4. Data Banci Penduduk	41
2.5. Kesimpulan	42

3.1 Pengenalan	43
3.2 Kawasan Kajian	44
3.2.1. Kawasan Statistik Terkecil	47
3.3 Metodologi Kajian	49
3.3.1 Data	50
3.3.2 Analisis Data	58
3.3.2.1 Algoritma K-Means	59
3.3.2.2 Self-Organizing Map (SOM)	77
3.4 Perbandingan Kaedah K-means dan SOM	94
3.4.1 Pengukuran Penilaian Kekuatan	94
3.5 Kesimpulan	95

4.1	Pengenalan	96
4.2	Objek Pengklusteran	97
4.3	Pembolehubah-Pembolehubah Banci	103
4.4	Algoritma K-Means	
4.4.1	Pemilihan Pembolehubah	104
4.4.1.1	Analisis Korelasi	104
4.4.1.2	Analisis Komponen Utama (PCA)	109
4.4.1.3	Analisis Varian	115
4.4.2	Senarai Pembolehubah Akhir	116
4.4.3	Penghasilan Kluster Geodemografi	119
4.4.4	Pengubahan Data	123
4.4.5	Penyeragaman Data	125
4.5	Kaedah Pengklusteran	130
4.6	Algoritma <i>Self-Organizing Map</i> (SOM)	130
4.7	Perbandingan Antara K-Means dan SOM	133
4.7.1	Pengukuran Penilaian Kekuatan	133
4.8	Kesimpulan	140

## **BAB 5 PEMBENTUKAN DAN PENGUJIAN SISTEM**

5.1	Pengenalan	142
5.2	Profil Kluster	143
5.3	Nama Kluster	151
5.4	Paparan Kluster Hierarki Pertama	154
5.4.1	Kluster 1: Kluster Luar Bandar	154

5.4.3 Kluster 3: Kluster Perkampungan Tradisi	156
5.4.4 Kluster 4: Kluster Golongan Bandar dan Bekerjaya	158
5.4.5 Kluster 5: Kluster Pinggir Bandar	159
<b>5.5 Profil Kluster Hierarki Kedua</b>	<b>160</b>
5.5.1 Pembentukan Kluster Hierarki Kedua	160
<b>5.6 Analisis Sensitiviti</b>	<b>179</b>
<b>5.7 Perbincangan</b>	<b>182</b>
<b>5.8 Kesimpulan</b>	<b>185</b>

## BAB 6 RUMUSAN

6.1 Pendahuluan	187
6.2 Rumusan Penyelidikan	188
6.3 Kelemahan Kajian	190
Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	
6.4 Cadangan Kajian Lanjutan	191
6.5 Kesimpulan	193

## RUJUKAN

## LAMPIRAN

## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Asas dalam pembentukan pengelasan penduduk	5
1.2 Konsep kotak hitam bagi ANN	7
1.3 Kerangka konseptual perbandingan kaedah algoritma kluster	19
2.1 Perkongsian memori dalam CPU	36
2.3 Perkongsian memori dalam ANN	36
3.1 Peta Lokasi Kajian	46
3.2 Komponen GIS	57
3.3 Proses-Proses Pembentukan SPG	61
3.4 Proses Penyediaan Pembolehubah	61
3.5 Proses Pelaksanaan Algoritma K-Means	68
3.6 Arah Aliran Penyelidikan	76
3.7 Carta alir kaedah penyelidikan menggunakan algoritma SOM	80
3.8 Topologi yang terdapat di dalam perisian SOM iaitu <i>rect</i> (kiri) dan <i>hex</i> (kanan)	85
3.9 Perbezaan bentuk SOM yang boleh diaplikasikan dalam SOM Toolbox dengan menggunakan topologi segiempat ( <i>rect</i> ): a) sheet sebagai default; b) cylinder; c) toroid	85
3.10 Perbandingan antara bentuk dua dimensi dan bentuk sfera SOM	86
3.11 Fungsi kadar pembelajaran bagi <i>linear</i> , <i>power</i> dan <i>inv.</i>	88
3.12 Pembahagian kumpulan utama paparan SOM	90
3.13 Kategori peta dalam paparan SOM	91
3.14 Kaedah paparan u-matrik	91
3.15 Peta pukulan (hit map) di dalam u-matrik dengan menggunakan perisian SOM	92
4.1 Pecahan Zon Banci Mengikut Daerah Pentadbiran	101
4.2 <i>Screen Plot</i> Bagi Keseluruhan Komponen	111
4.3 Pengiraan Kluster Optimum Dengan Menggunakan Kaedah K-Means	120
4.4 Pengiraan Kluster Optimum Dengan Menggunakan Kaedah Ward	121
4.5 Paparan Peta Dengan Menggunakan Algoritma SOM	131
4.6 Paparan Peta Melalui U-Matrik dan Component Parallel	132

05-4506832	pustaka.upsi.edu.my		Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah		PustakaTBainur	133		ptbupsi
<b>4.7 Jumlah Kluster Dengan Menggunakan Paparan U-Matrik</b>								
5.1	Carta Radar Kluster 1					144		
5.2	Carta Radar Kluster 2					144		
5.3	Carta Radar Kluster 3					144		
5.4	Carta Radar Kluster 4					144		
5.5	Carta Radar Kluster 5					144		
5.6	Kluster 1					154		
5.7	Kluster 2					155		
5.8	Kluster 3					156		
5.9	Kluster 4					158		
5.10	Kluster 5					159		
5.11	Kluster berusia dan kurang berada					162		
5.12	Kluster pekerja industri					163		
5.13	Kluster pekerja industri kecil dan sederhana					165		
5.14	Kluster generasi muda penghuni bandar					166		
5.15	Kluster pertengahan bawahan pinggir bandar					167		
5.16	Kluster pekerja sektor pelancongan					168		
5.17	Kluster berbagai etnik berkeluarga					169		
5.18	Kluster pekerja kolar biru berkeluarga		Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah			170		PustakaTBainur
5.19	Kluster pekerja kolar biru pinggir bandar					171		ptbupsi
5.20	Kluster generasi baru kelas pertengahan bawahan					172		
5.21	Kluster muda dan bekerjaya					173		
5.22	Kluster berkeluarga dan bekerjaya					174		
5.23	Kluster pekerja kolar biru pelbagai etnik					175		
5.24	Kluster pekerja perkhidmatan dan separa profesional					177		
5.25	Kluster pekerja ladang berkeluarga					178		
5.26	Hasil Analisis Sensitiviti 69 Pembolehubah Akhir					180		

## SENARAI JADUAL

<b>No. Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
1.1 Pembahagian Model ANN Mengikut Pembelajaran	9
2.1 Kajian Kegunaan SPG Dalam Bidang Pencegahan Jenayah	32
2.2 Beberapa Model ANN Yang Paling Menonjol Dalam Sejarah Pembangunannya	38-40
3.1 Taburan Jantina Penduduk Mengikut Daerah Di Perak Pada Tahun 2000	44
3.2 Pelan Pembangunan dan Data Banci Yang Digunakan	52
3.3 Petunjuk Korelasi Guilford	63
4.1 Kekerapan Zon Banci Di Perak	98-100
4.2 Pertumbuhan Penduduk Perak Tahun 1991 Hingga Tahun 2000	102
4.3 Pembolehubah Yang Berkorelasi	105-106
4.4 Jadual Matrik Korelasi Bagi Pembolehubah Umur	108
4.5 Penentuan Saiz Komponen Dengan Menggunakan <i>Screen Plot</i>	110
4.6 Saiz Komponen Dengan Menggunakan Kaedah Kriteria Kaiser	113
4.7 Senarai Pembolehubah Dengan Nilai Varian Yang Kecil	116
4.8 Senarai Pembolehubah Akhir Untuk Analisis Kluster	117-119
4.9 Taburan Kluster Data Yang Belum Diseragamkan	122
4.10 Nilai Statistik Kepencongan Asal, Kuasa Dua dan Logaritma	123-125
4.11 Taburan Kluster Yang Diseragamkan Menggunakan Penyeragaman Berkadar	126
4.12 Taburan Kluster Yang Diseragamkan Menggunakan Z-Skor	127
4.13 Taburan Kluster Yang Diseragamkan Menggunakan Penyeragaman Persentil	128
4.14 Perbezaan Nilai SSE Bagi Setiap Kaedah Penyeragaman	129
4.15 Jadual Ralat Kuasa Dua Bagi Pengiraan Ralat Kuadratik	134-138
4.16 (a) Jadual Pengelasan Pusat bagi Algoritma SOM	139
4.16(b) Jadual Pengelasan Pusat bagi Algoritma K-means	139
4.17 Jadual Pengukuran Penilaian Kekuatan Bagi Algoritma SOM Dan K-Mean	140
5.1 Jadual Anova 62 Pembolehubah Akhir	145-151
5.2 Label Kluster Hierarki Pertama dan Hierarki Kedua	152-153

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi
5.3 Pengiraan Bilangan Kluster Optimum			161	
5.4 Pembolehubah yang Menyebabkan Pengurangan Daripada Pusat Kluster			181	
5.5 Pembolehubah Yang Mempunyai Kesan Kecil Terhadap Perubahan Jarak Purata			182	

## SENARAI SINGKATAN

ACORN	A classification of Residential Neighbourhood
ANN	<i>Artificial Neural Network</i>
BP	Blok Perhitungan
CPU	Unit Pemprosesan Berpusat
DEO	Jabatan Alam Sekitar
GIS	<i>Geographical Information Systems</i>
JPM	Jabatan Perangkaan Malaysia
NKRA	National Key result Areas
OA	<i>Output Area</i>
OAC	<i>Output Area Classification</i>
ONS	<i>Office for National Statistics</i>
PCA	<i>Principal Component Analysis</i>
SOM	<i>Self Organizing Map</i>
SPG	pustaka.upsi.edu.my Sistem Pengelasan Geografi
SPSS	<i>Statistical Package for The Social Sciences</i>
TK	Tempat Kediaman

## SENARAI SINGKATAN

ACORN	A classification of Residential Neighbourhood
ANN	<i>Artificial Neural Network</i>
BP	Blok Perhitungan
CPU	Unit Pemprosesan Berpusat
DEO	Jabatan Alam Sekitar
GIS	<i>Geographical Information Systems</i>
JPM	Jabatan Perangkaan Malaysia
NKRA	National Key result Areas
OA	<i>Output Area</i>
OAC	<i>Output Area Classification</i>
ONS	<i>Office for National Statistics</i>
PCA	<i>Principal Component Analysis</i>
SOM	<i>Self Organizing Map</i>
SPG	pustaka.upsi.edu.my Sistem Pengelasan Geografi
SPSS	<i>Statistical Package for The Social Sciences</i>
TK	Tempat Kediaman

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, matlamat dan objektif kajian, persoalan kajian, organisasi penulisan bab serta kerangka konseptual. Selain itu, skop kajian juga akan dibincangkan bagi memberikan gambaran sebenar halangan serta batasan kajian ini. Kepentingan kajian juga penting bagi memastikan kajian ini dapat memberikan manfaat kepada pihak berwajib.

#### 1.2 Latar Belakang Kajian

Proses pembandaran berlaku seiring dengan perkembangan pembangunan negara sekaligus menyebabkan berlaku pertumbuhan penduduk yang pesat dalam kawasan

Keadaan ini bukan sahaja menyebabkan berlakunya penghijaran dari kawasan luar bandar ke kawasan bandar, tetapi turut menyebabkan berlakunya rombakan gaya hidup, struktur pekerjaan, dan pendapatan. Perubahan yang berlaku ini turut memberikan perubahan kepada statifikasi sosial dengan kemunculan kelas sosial yang baharu (Abdul Rahman Embong, 2011). Menyedari masalah yang dihadapi oleh pihak kerajaan untuk menyalurkan peruntukan dan menyediakan kemudahan seperti kemudahan infrasruktur dan perumahan kepada kumpulan sasaran, kajian pembangunan sistem pengkelasan geodemografi yang menggunakan sempadan kawasan terkecil ini perlu dijalankan. Sumber data utama yang digunakan ialah blok penghitungan yang diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM) dan maklumat-maklumat lain seperti pendidikan, perumahan, pekerjaan dan sosio-ekonomi yang diperolehi daripada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia

Istilah geodemografi mula wujud pada awal tahun 1970an apabila wujudnya sistem *A classification of Residential Neighbourhood* (ACORN) yang dibangunkan oleh CACI di Great Britain dan sistem PRIZM oleh Claritas di Amerika Syarikat (Thomas & Stephen, 2004). Sejak sistem itu diperkenalkan alatan tersebut telah menjadi satu piawaian kerana ianya boleh digunakan untuk mengenalpasti ciri penduduk secara khusus. Oleh kerana berlaku ledakan di dalam *Geographical Information System* (GIS), satu istilah baru telah digunakan iaitu geodemografi yang mana ianya merujuk kepada penggunaan sistem pengkelasan kejiraninan untuk aktiviti khidmat pelanggan dan aktiviti pemasaran (Bolton Council, 2008).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Demografi dirujuk sebagai pembahagian kepada penduduk mengikut data-

data penduduk dan tingkah laku (Schwabe & O'Donovan, 1999). Geodemografi adalah kajian ke atas penduduk mengikut tempat tinggal mereka (Sleight, 2014). Menurut O'Malley et al. (1995) istilah geodemografi diperolehi daripada gabungan dua istilah berbeza, iaitu geografi dan demografi. Demografi ditakrifkan oleh Siegel (2002) sebagai kajian saintifik tentang penduduk yang meliputi pada kajian terhadap ciri-ciri seperti saiz, taburan, struktur umur, jantina, aspek sosio-ekonomi, kadar kelahiran, kematian dan migrasi.

Pendefinisan geodemografi menurut Tedd et al. (1997) adalah pengelasan kejiraninan mengikut maklumat demografi dan data gaya hidup. Geodemografi mampu memberikan maklumat berkaitan ciri penduduk mengikut kawasan kejiraninan mereka. Kajian di dalam bidang geodemografi mempunyai pelbagai kegunaan dalam sektor awam dan sektor swasta. Secara umumnya, iaanya digunakan untuk mengenal pasti kumpulan penduduk di dalam sesebuah populasi yang mampu untuk menggambarkan tingkah laku penduduknya mengikut kawasan (Bolton Council, 2008).

Pengelasan secara umumnya merujuk kepada proses menyusun dan mengumpul sesuatu benda mengikut kumpulan, berasaskan kepada kesamaan dan ketidaksamaan. Hasil daripada proses ini, iaanya dikenal pasti sebagai sistem pengelasan (Batley, 2005). Pelopor kepada kajian taksonomi ialah Aristotle, iaitu seorang ahli falsafah Greek yang terkenal. Aristotle telah memperkenalkan dua konsep pengelasan yang utama iaitu pengelasan organisma mengikut jenis dan pengelasan mengikut definisi binomial (Tilton, 2009). Kajian berkaitan dengan pengelasan berasal daripada taksonomi yang melibatkan kajian tentang sains



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi


pengelasan dengan tumpuan khusus kepada pengelasan organisma hidup dan

hubungan semulajadi yang wujud (Tilton, 2009).

Gordon (1999) melihat sistem pengelasan sebagai suatu alat yang boleh digunakan untuk menyiasat perhubungan yang wujud dalam satu kumpulan objek, sama ada objek tersebut diringkaskan atau tidak dalam kumpulan yang lebih kecil. Kumpulan kecil dibentuk dalam mengkelaskan objek yang serupa dalam kelas yang sama. Malahan, terdapat juga teori-teori pembangunan pengelasan yang dibincangkan oleh beberapa orang pengkaji terdahulu yang melibatkan sistem pengelasan dalam bidang kajian yang berbeza (Gordon, 1999). Walau bagaimanapun, matlamat utama penggunaan sistem pengelasan adalah untuk meringkaskan data dan membuat tanggapan terhadap corak yang wujud di dalamnya.

pengelasan penduduk, antaranya adalah pengelasan hibrid, pengelasan psikologi, pengelasan geografi, pengelasan produk, pengelasan psikografi dan pengelasan demografi. Pengelasan hibrid merupakan pengelasan campuran seperti campuran pengelasan demografi dan pengelasan geografi dan telah membentuk pengelasan geodemografi manakala pengelasan psikologi mengkelaskan beberapa jenis masalah mental. Pengelasan produk mengkelaskan pengguna berdasarkan persamaan yang terdapat dalam pemilihan jenama, kecenderungan penggunaan dan penilaian pulangan kepuasan daripada produk tersebut manakala pengelasan psikografi mengelompokkan penduduk mengikut ciri psikologi yang sepadan, nilai sosio budaya dan cara hidup. Pengelasan geografi mengelasan penduduk kepada lokasi mereka berada. manakala

pengelasan demografi membahagikan penduduk kepada ciri yang sama seperti jantina, umur, pendapatan, pekerjaan, pendidikan dan saiz isi rumah.



*Rajah 1.1 Asas dalam pembentukan pengelasan penduduk. Dirujuk dari*

Bagi membentuk sistem geodemografi penduduk di sesebuah kawasan, adalah penting dalam memastikan agar:

- Maklumat yang dipaparkan adalah mengikut kawasan kajian.
- Sistem itu merangkumi keseluruhan kawasan dan unit ruangan yang paling kecil.
- Definisi bagi kategori geodemografi adalah saintifik bagi mengelakkan sifat bias akan mempengaruhi pembahagian atau penerangan dalam sesebuah kumpulan.
- Keseluruhan maklumat asas demografi digunakan sepenuhnya bagi memastikan segala maklumat berkaitan populasi dimasukkan.

Pengelasan boleh dilakukan dengan menggunakan *Artificial Neural Network* (ANN). Definisi formal ANN yang dikemukakan oleh Haykin (2008) adalah ANN merupakan satu prosesor pembahagian selari besar-besaran yang mempunyai kecenderungan semulajadi untuk menyimpan pengetahuan melalui pengalaman dan menjadikannya sedia untuk digunakan. Ketika ini ANN sudah mampu untuk menjalankan beberapa tugas seperti pengelasan, pengecaman, penganggaran, ramalan, pengklusteran, simulasi memori dan beberapa tugas lain lagi. ANN menyerupai fungsi otak manusia melalui 2 perkara iaitu:


- 1      pengetahuan yang diperolehi daripada rangkaian adalah melalui proses pembelajaran
- 2      kekuatan sambungan antara neuron dikenali sebagai pemberat sinaptik yang digunakan untuk menyimpan pengetahuan.

Kebanyakan model ANN lebih mirip kepada beberapa teknik analisis statistik yang popular seperti *generalized linear model*, *polynomial regression*, *nonparametric regression*, *discriminant analysis*, *projection pursuit regression*, *principal components*, *cluster analysis* dan beberapa teknik statistik yang lain (Sarle, 1994). Salah satu daripada perbezaan ANN dengan kaedah analisis statistik ialah ia boleh mengesan corak perhubungan di dalam satu set data yang kecil dan boleh bekerja dalam keadaan data input yang tidak lengkap. Hal ini kerana ANN bersifat boleh untuk mengadaptasi perubahan yang berlaku di sekelilingnya melalui proses pembelajaran (Dawson & Wilby, 1998). Keupayaan yang ada pada ANN membolehkannya mengadaptasi dengan perubahan yang berlaku di persekitarannya ketika proses pembelajaran berlaku (Dawson & Wilby, 1998) serta mampu untuk

bertoleransi dengan sebarang kesilapan. Struktur data input yang dikendalikan secara bebas dan tidak mempunyai had maksimum membolehkan ANN memperbaiki kesilapannya apabila ia dilatih secara berulang (Zhang & Stanley, 1997).

Selain tu, sifat ANN yang boleh belajar daripada sampel dan membentuk perhubungan kotak hitam untuk melihat sesuatu perhubungan di antara data-data juga menyebabkannya tidak memerlukan algoritma matematik untuk membuat permodelan (Zhang & Stanley, 1997). Rajah 1.2 menunjukkan konsep hitam bagi ANN iaitu ianya menerima beberapa input yang berbeza dan akan melakukan beberapa proses. Seterusnya ia akan mengeluarkan satu output yang signifikan dan digunakan dalam kajian. Namun, keadaan ini akan menyebabkan kesukaran apabila pengkaji mahu menerangkan berkaitan perhubungan matematik dengan menggunakan model ANN yang mereka gunakan kerana ianya tidak dapat difahami oleh pengkaji. Sarle (1994)

 menyatakan,  pengguna ANN terdiri  Perpustakaan Tuanku Bainun  
 ahli fizik  ahli neurologi  ptbupsi  
 psikologi dan ahli sains komputer yang mana kebanyakannya mereka mempunyai pengetahuan yang sedikit berkaitan dengan aplikasi statistik dan sering gagal untuk memahami bagaimana kaedah matematik digunakan.



Rajah 1.2 Konsep kotak hitam bagi ANN



ANN mewakili disiplin kejuruteraan berkaitan dengan sistem penyesuaian

pemprosesan maklumat bukan program yang mana ianya dibangunkan untuk menyatukan (menukar atau pemetaan) antara objek sebagai tindak balas kepada persekitaran mereka. ANN adalah sejenis senibina perkomputeran selari yang besar-besaran berdasarkan kepada pengkodan maklumat seperti otak dan pemprosesan model menunjukkan kelakuan seperti otak seperti pembelajaran, hubungan, pengkategorian, kelaziman, fungsi pengeluaran dan pengoptimuman. ANN dibangunkan untuk cuba mengatasi dan meniru fungsi kebijaksanaan biologikal dengan ciri-ciri yang boleh dipelajari sama ada melalui contoh atau pengalaman. ANN juga berupaya untuk mengira dengan cepat apabila berurusan dengan jumlah set data yang besar (Craig, 2001).

Berikut adalah pembahagian model ANN mengikut pembelajaran iaitu



ditunjukkan dalam jadual 1.1.



### *Pembahagian model ANN mengikut pembelajaran*

Panggil Semula ke Belakang	Panggil Semula ke Hadapan
Pembelajaran dipantau	Brain-state-in box
	Perceptron
	Fuzzy Cognitive Map
	Multi-Layer Perceptron
	ADALINE, MADALINE
	Boltzmann Machine
	CMAC
	Radial Basis Function
	Network
	Probabilistic Neural
	Network
Pembelajaran tanpa pantauan	General Regression Neural   ptbupsi
	Network
	Modified Probabilistic
	Neural Network
	Kohonen
	Adaptive Resonance Theory
	Counterpropagation
	Hopfield Neural Network
	Fuzzy Associative Memory
	Bidirectional Associative
	Memory

Dirujuk dari Zaknich, 2003



### 1.3 Permasalahan Kajian

Dewasa ini, para pengguna dan penyelidik tidak lagi menghadapi masalah kekurangan data, sebaliknya mereka berhadapan dengan masalah data yang berlebihan. Keadaan ini jelas ditunjukkan melalui kajian yang dijalankan oleh Naisbitt melalui pernyataan "*we are drowning in information but starved for knowledge*" pada tahun 1982 (Kamarul, 2013). Pernyataan ini jelas membuktikan masalah sebenar yang sedang dihadapi oleh pengguna bukan ketidaaan data tetapi jumlah data yang semakin bertambah sehingga menimbulkan kesukaran untuk memanfaatkan data-data tersebut (Larose, 2005). Malahan, lambakan data ini juga menyukarkan pengguna dalam menganalisis data agar hasil yang diperolehi itu cepat dan efisien.

Bagi sesetengah negara maju seperti Jepun, Australia dan Kanada, proses



pengutipan data banci dilaksanakan dalam tempoh masa lima tahun, manakala di negara-negara sedang membangun kerja-kerja merekodkan maklumat mengenai penduduk ini dijalankan setiap sepuluh tahun. Data banci penduduk dan perumahan mengandungi pelbagai maklumat mengenai ciri-ciri populasi seperti umur, jantina, status perkahwinan, pendapatan dan pendidikan. Data-data ini disimpan dalam pangkalan data banci dan merupakan sumber data yang lengkap dan paling komprehensif bagi kebanyakan negara sedang membangun (Smith, 2003). Data banci Penduduk dan Perumahan Negara merupakan sumber data utama dalam proses pembentukan sesuatu sistem geodemografi bersifat rencam.

Proses pengutipan data secara berterusan akan menyukarkan para pengguna kerana bilangan data mentah semakin bertambah setiap kali banci dilakukan. Hal ini





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

kerana, data tersebut akan disesuaikan dengan maklumat penduduk bagi memastikan

ketepatan maklumat penduduk di suatu kawasan. Bagi mengatasi masalah ini, kaedah analisis yang boleh meringkaskan maklumat benci tersebut perlu dilakukan kepada bentuk yang lebih ringkas agar boleh memudahkan capaian kepada pengguna dan mudah untuk difahami. Oleh itu, pengelasan sistem geodemografi dengan menggunakan algoritma pengklusteran dalam penyelidikan ini merupakan kaedah yang berkesan untuk mengurangkan jumlah data dan menyusun data tersebut dalam kumpulan kecil yang lebih mudah difahami dan diuruskan. Di dalam konteks kajian ini, sejumlah 203 pembolehubah berpotensi untuk proses analisis pengelasan geodemografi dan 1,884 unit zon benci di negeri Perak digunakan sebagai input dalam pembentukan sistem ini.

Penyelidikan ini dijalankan disebabkan oleh kesukaran mendapatkan



maklumat individu dalam sesebuah kawasan. Maklumat individu seperti umur, tempat tinggal, pekerjaan, taraf pendidikan penting terutamanya bagi kajian demografi.

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Proses pembentukan pangkalan data yang menyimpan maklumat individu hampir mustahil untuk direalisasikan di dalam dunia nyata. Hal ini kerana proses untuk menghitung segala maklumat yang berkaitan sangat sukar dijalankan kerana ianya bukan sahaja melibatkan kos yang besar, malah data yang dikutip ini perlulah disimpan secara sistematik.

Melalui kajian yang dilakukan oleh Vickers (2006), beliau mencadangkan agar kaedah algoritma konvensional iaitu kaedah algoritma k-means digunakan dalam menganalisis data benci. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Kamarul (2013) yang mana menggunakan kaedah algoritma k-means. Namun, bagi pengkaji



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi